



Champions of environmental health & justice



Surat kepada Pengarang

7 Mac 2025

Pertimbangkan Kesan Buruk: Haramkan Pengimportan E-waste ke Malaysia

Kami, ahli-ahli Gabungan Hentikan Perdagangan Sisa (Malaysia Stop Waste Trade Coalition), amat kecewa dengan hujah yang dikemukakan oleh “pakar-pakar” yang menggesa Malaysia untuk membenarkan pengimportan sisa elektronik (e-waste). Gambaran yang diberikan tentang landskap e-waste Malaysia dan ekonomi perdagangan sisa global adalah sebahagiannya ternyata salah.

Lebih buruk lagi, naratif itu termasuk serangan langsung, yang tidak berasas, terhadap Jabatan Alam Sekitar (JAS) kerana menjalankan tugas dalam melindungi negara daripada pencemaran.

Dalam keghairahan mereka untuk melobi bagi pengimportan e-waste, pengkritik menggabungkan isu-isu bernuansa yang tidak semua dapat diselesaikan dengan menarik pelaburan langsung asing (FDI) dalam pembangunan fasiliti kitar semula “hijau” untuk memproses e-waste yang diimport.

Pertama, perbandingan dengan Eropah adalah di luar sasaran: Terdapat perbezaan besar antara Eropah dan Jepun yang mengimport e-waste bernilai tinggi atau pra-proses, berbanding China, dan kini Malaysia, yang disasarkan dengan e-waste yang bernilai rendah dan tidak diisih.

Selepas berdekad memproses sisa import, China membuat keputusan yang mengambil kira bahawa kos pencemaran daripada sisa import melebihi keuntungan dalam jangka panjang, dan mula menumpukan kepada pelaburan dalam menguruskan sisa domestik. Kini sudah tujuh tahun berlalu. China telah mengekalkan larangan import sisanya.

Apa yang mengecewakan kami ialah perniagaan kotor ini telah berpindah ke Asia Tenggara, dengan Malaysia menjadi destinasi utama. Jika China tidak dapat mengawal pencemaran, seperti yang mereka akui dalam penghujahan mereka kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mengenai larangan import, bagaimana dengan Malaysia?

Kedua, kesan import e-waste terhadap kitar semula domestik kami: Di Malaysia, pengurusan e-waste pasca pengguna masih kurang berkembang tetapi kemajuannya memberikan harapan.

Malaysia boleh dikatakan mempunyai infrastruktur kitar semula e-waste isi rumah paling maju di Asia Tenggara. Malaysia mempunyai perkhidmatan kutipan yang membayar pekerja bebas (*freelance*) untuk mengambil e-waste dari rumah, ganjaran tunai sebagai pertukaran

bagi e-waste, dan perkhidmatan Pos Malaysia prabayar bagi penghantaran e-waste dari kawasan luar liputan.

Infrastruktur untuk pengurusan e-waste tidak diabaikan, sebaliknya, JAS telah memupuk pembangunannya sejak 20 tahun lalu di bawah kategori sisa terjadual.

Malaysia mempunyai kadar pengumpulan dan kitar semula yang agak tinggi bagi e-waste daripada industri, dengan undang-undang sedang dibangunkan untuk mengawal selia e-waste daripada entiti komersial, institusi dan isi rumah dengan lebih baik. Sistem e-waste Malaysia tidak terlalu bergantung kepada pelabur asing dengan “teknologi hijau” mereka.

Membenarkan bekalan mudah dengan e-waste yang diimport akan meningkatkan keuntungan bagi pemproses e-waste, tetapi ia mungkin berakhir dengan mengabaikan kutipan e-waste domestik, menurunkan permintaan dan menurunkan harga, seperti yang dilihat di Thailand di mana ratusan pemungut sisa daripada Thailand Saleng and Recycle Trader Association yang [membantah](#) selama berminggu-minggu pada 2021 terhadap sisa asing yang diimport yang mengancam mata pencarian mereka.

Ketiga, pihak yang terlibat dalam penyeludupan e-waste adalah penjenayah. Konvensyen Basel telah dikemaskini baru-baru ini untuk bertindak dengan lebih agresif terhadap sindiket antarabangsa yang memperdagangkan sisa dan mengekalkan “penjajahan sisa” iaitu sisa dari negara utara (Global North) yang mengalir ke arah pemprosesan sisa kotor di negara selatan (Global South).

Bertindak balas terhadap jenayah dengan menjadikan jenayah itu sah akan meletakkan kita semua dalam risiko tinggi terhadap kemusnahan alam sekitar yang tidak dapat dipulihkan, mengancam kesihatan kita dan anak-anak kita. Mereka yang terlibat dalam pemerdagangan e-waste, pemprosesan haram, dan pembuangan sisa secara haram di Malaysia tidak boleh disahkan atau diputihkan; mereka mestilah dihukum dengan seberat-beratnya.

Jika pengusaha ini berminat dalam penciptaan pekerjaan, pemindahan teknologi, pelaburan beretika, dan pemulihan sumber yang cekap, operasi mereka akan kelihatan sangat berbeza daripada tempat pembuangan sampah dan tempat kerja seakan kem buruh, pada masa ini.

Keempat, punca utama masalah: “Teknologi hijau” memerlukan protokol keselamatan yang ketat dan pematuhan undang-undang terhadap undang-undang alam sekitar, perniagaan dan pekerjaan. Jika rasuah, penguatkuasaan yang lemah, dan undang-undang yang tidak mencukupi menjadi punca kitar semula e-waste haram, masalah yang sama akan timbul walaupun bagi kemudahan yang berlesen. Komuniti yang tinggal di sekitar loji kitar semula sisa “hijau dan berteknologi tinggi”, yang terdedah setiap hari kepada asap, bau, kebimbangan kesihatan dan konflik dengan industri, boleh membuktikan perkara ini.

Cadangan untuk memusatkan pemprosesan e-waste di taman perindustrian di dalam kawasan berpagar yang dikawal bukanlah juga satu penyelesaian mudah. Tembok akan melindungi pengusaha yang tidak bertanggungjawab daripada pengawasan penduduk yang berjiran dengannya. Penduduk adalah rakan kongsi terbaik agensi penguatkuasaan kerana banyak tindakan penguatkuasaan telah diambil berdasarkan aduan orang ramai.

Oleh itu, adalah penting untuk kita menangani punca utama masalah kitar semula e-waste haram iaitu rasuah, penguatkuasaan yang lemah, undang-undang yang tidak mencukupi serta menutup kebocoran e-waste domestik daripada infrastruktur formal ke dalam sistem haram atau tidak formal, dan bukannya membuka laluan dan membebankan sistem kawal selia kita dengan ratusan tan sisa yang berpotensi berbahaya.

Kelima, lelongan e-waste toksik yang dirampas: Bertentangan dengan dakwaan, menurut kerajaan penghantaran e-waste yang dirampas tidak dijual semula di pasaran terbuka, tetapi dikembalikan ke negara asal. Sementara itu, e-waste yang dirampas dari kilang haram telah pun bercampur dan tempat asalnya tidak dapat dikesan, bermakna tanpa diketahui penerima untuk menghantarnya kembali.

Selain daripada logam, bahan dalam e-waste juga mengandungi logam berat toksik dan bahan pencemar organik berterusan (seperti kalis api berbromin) yang boleh meresap ke dalam saluran air dan rantai makanan kita. Sebatian ini merosakkan sistem metabolismik, saraf dan pembiakan kita, dan amat berbahaya bagi wanita hamil dan kanak-kanak, yang membawa kepada kesan kesihatan yang tidak dapat dipulihkan, keguguran, kerosakan neurologi otak dan IQ yang berkurangan. Di Thailand, satu [kajian](#) mendapati paras tinggi bahan kimia plastik toksik seperti itu dalam pekerja kitar semula e-waste.

Kerajaan memutuskan cara yang paling selamat untuk menangani sisa berbahaya ini adalah dengan menyerahkannya kepada pengendali berlesen yang berpengalaman dalam menguruskan sisa berjadual, untuk meminimumkan kerosakan alam sekitar. Pengendali ini diwajibkan oleh undang-undang untuk melaporkan proses dan sisa berbahaya mereka kepada JAS. Mereka bukan tanpa “perlindungan alam sekitar” seperti yang didakwa.

Ini adalah kes yang luar biasa, dan tidak boleh diterima dalam jangka masa panjang kerana sisa toksik daripada e-waste yang diimport pasti akan dilupuskan di lokasi tempatan.

Keenam, kirakan kos: Menyokong pembangunan jaringan pengumpul dan pemproses e-waste Malaysia yang menguruskan e-waste domestik dan membekalkan bahan yang diperoleh semula kepada pengilang tempatan menawarkan faedah yang jelas kepada negara.

Sementara itu, menarik syarikat asing untuk menujuhkan perusahaan di sini membenarkan mereka mengimport e-waste yang tidak diisih untuk pemprosesan berskala besar, melupuskan sisa buangan di Malaysia, dan menjual bahan yang diperoleh kembali ke negara mereka tidak boleh dianggap sebagai keuntungan bersih untuk persekitaran kita tanpa analisis kos faedah yang teliti, komprehensif dan telus.

Apabila kesan negatif ekonomi dikira dari segi kerosakan kepada kesihatan manusia, air bersih, udara bersih, dan tanah yang subur, ia akan didedahkan sebagai kerugian bersih untuk negara kita dan modal semula jadi dan generasi akan datang. Apakah nilai untuk komuniti bebas kanser atau udara bersih? Sebaik sahaja hilang, ini akan menelan belanja yang banyak untuk dipulih, jika ianya boleh dipulih. Kita tidak memasukkan lagi kos sosial yang menyalahi undang-undang dan risiko rasuah.

Era keuntungan kapitalis dengan segala cara, mengabaikan kos negatif sebagai sebahagian daripada perakaunan ekonomi, mesti berakhir. Kita sedang menghadapi darurat iklim dan wabak kesihatan yang disebabkan oleh bahan kimia berbahaya. China melakukan pengiraan, mendapati diri mereka mengalami kerugian bersih, dan mengharamkan import bahan buangan.

Sisa adalah tanggungjawab, bukan hanyakekayaan

Rakyat Malaysia telah menderita akibat daripada pencemaran yang disebabkan oleh sisa asing sejak pengharaman import sisa China pada 2018. Sisa yang diimport sering dikaitkan dengan sindiket berkaitan China, dengan JAS bekerja di luar kemampuan mereka dan menghadapi tindak balas paling kuat daripada komuniti yang terjejas.

Kami memuji Perdana Menteri dan tindakan tegas kerajaan Malaysia terhadap penyeludupan sisa dan pemprosesan haram, dan menantikan rancangan yang digariskan oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar untuk mengukuhkan lagi undang-undang, dasar dan penguatkuasaan.

Mandat JAS adalah untuk melindungi alam sekitar, dan sesungguhnya, dasar e-waste negara ialah “pendekatan pemikiran ke hadapan yang meletakkan negara sebagai peneraju dalam pengurusan e-waste mampan” dengan memupuk ekosistem pengumpul dan pemproses e-sisa domestik.

Kita harus menyokong JAS dalam inisiatif sedia ada mereka untuk meningkatkan kadar pengumpulan dan kitar semula e-waste, mendidik pengguna mengenai pengurusan sisa yang bertanggungjawab, dan mewujudkan rangka kerja undang-undang yang lebih baik untuk mengawal e-waste, termasuk menguatkuaskan tanggungjawab pengeluar yang diperluaskan (*extended producer responsibility*) untuk produk.

Kita sepertutnya membuat lebih banyak laporan mengenai salah laku dan penyelewengan oleh majikan atau kilang mencemar yang berjiran, tetapi kita juga perlu menggubal undang-undang Hak untuk mendapat Maklumat, mengukuhkan lagi perlindungan bagi pemberi maklumat, meningkatkan langkah pencegahan rasuah, dan meningkatkan keupayaan penguatkuasaan, bukan membuka laluan kepada sisa toksik untuk diimport.

Malaysia [menjana](#) 411 juta kilogram e-waste pada 2022, dan 24.5 juta unit e-waste [diunjurkan](#) bagi 2025. Kita mestilah melakukan yang lebih baik dengan melihat sisa sebagai satu tanggungjawab, dan menumpukan kepada mencegahnya daripada bocor ke dalam persekitaran kita.

Artikel ini disokong oleh ahli Gabungan Hentikan Perdagangan Sisa Malaysia (Malaysia Stop Waste Trade Coalition) - Sahabat Alam Malaysia (SAM), Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Malaysian Nature Society (MNS) Cawangan Selangor, Greenpeace Malaysia, Zero Waste Sabah, Zero Waste Malaysia, Environmental Protection Society Malaysia, Center to Combat Corruption and Cronyism dan Basel Action Network (Wakil Malaysia).

HUBUNGI MEDIA:

Mageswari Sangaralingam, Setiausaha Kehormat, Sahabat Alam Malaysia (012-878 2706)

Wong Pui Yi, Penyelidik, Basel Action Network (017-500 6747)

MENGENAI GABUNGAN HENTIKAN PERDAGANGAN SISA MALAYSIA:

Gabungan Hentikan Perdagangan Sisa Malaysia dianggotai oleh beberapa NGO alam sekitar Malaysia yang berusaha mewujudkan kesedaran mengenai kesan berbahaya akibat penjajahan sisa, dengan tujuan untuk menamatkan pembuangan sisa di Malaysia. Beberapa ahli kami adalah ahli teras pergerakan Break Free from Plastic.